

**1Malaysia Brothers Pulau Pinang Penyuntik Semangat Perdana Menteri
Bernama
31 Ogos, 2012**

GEORGE TOWN, 31 Ogos (Bernama) -- Penubuhan badan bukan kerajaan (NGO), 1Malaysia Brothers, akan menjadi penyuntik semangat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Pulau Pinang terutama di kawasan pulau.

NGO yang akan dilancarkan Sabtu itu dinaungi oleh Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainuddin dan dipengerusikan oleh Khoo Boon Eam.

Setiausaha agung 1Malaysia Brothers, Zainudin Jaafar berkata penubuhan 1Malaysia Brothers bertujuan memberitahu Perdana Menteri bahawa beliau masih mendapat sokongan padu rakyat Pulau Pinang terhadap pentadbirannya.

Katanya, seramai 283 ahli NGO itu terdiri daripada pelbagai bangsa dan kaum penduduk Pulau Pinang terutama di kawasan pulau, kampung-kampung dan taman perumahan.

Zainudin berkata objektif 1Malaysia Brothers ialah memberi sokongan kepada Barisan Nasional (BN) terutamanya Perdana Menteri yang bertungkus lumus dalam perjuangan membangunkan negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=691133>